

PANDUAN UNTUK PELATIH

BERKAITAN PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA / LEMBAGA BIDAN MALAYSIA

SILA BACA ARAHAN DENGAN TELITI DAN ISI SEMUA MAKLUMAT DENGAN LENGKAP DAN TEPAT

1. Sila lengkapkan borang permohonan menduduki peperiksaan iaitu **BKJ-BOR-PEP-05-01 Pin.1/2013**
 - 1.1 Pastikan ejaan nama adalah **SAMA** seperti di kad pengenalan/ pasport dan tulis dalam **HURUF BESAR**.
 - 1.2 Nama yang lain atau ejaan yang berlainan hendaklah dibuktikan dengan surat sumpah.
 - 1.3 Sila sertakan salinan berkaitan yang telah disahkan **mengikut program**.
 - 1.3.1 Kelayakan Iktisas (Ijazah / Diploma) atau salinan pengesahan tamat latihan (dengan jayanya) daripada Pendaftar Universiti / Pengetua Kolej,
 - 1.3.2 Kad Pengenalan / Pasport (**sila palangkan** - untuk kegunaan LJM / LBM sahaja)
 - 1.3.3 Sijil Akademik / Latihan untuk program yang berkaitan:-
 - a) Program Ijazah Kejururawatan
 - i. **STPM / Matrikulasi / Asasi**
 - ii. **SPM dengan kepujian Sains dan Matematik** - untuk pelajaran aliran Sastera di peringkat STPM (*Art Stream students*)
 - iii. **MUET** (pelajar tempatan)
 - iv. **TOEFL / IELTS** (pelajar antarabangsa)
 - b) Program Diploma Kejururawatan
 - i. **SPM**
 - ii. **TOEFL / IELTS** (pelajar antarabangsa)
 - c) Program Diploma Peralihan (KPSL)
 - i. **SPM**
 - ii. **Sijil Jururawat Masyarakat / Sijil Penolong Jururawat**
 - iii. **Sijil Pendaftaran LJM / LBM**
 - iv. **Sijil Amalan Tahunan (APC) semasa**

- d) Program Jururawat Masyarakat / Penolong Jururawat -
- **SRP / PMR / SPM**
- e) Program Diploma Lanjutan Kebidanan (*Advanced Diploma in Midwifery*)
 - i. **Sijil Pendaftaran LJM**
 - ii. **Sijil Amalan Tahunan (APC) semasa**

ATAU

- f) **Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya**
(satu sijil yang berkaitan sahaja dan telah disahkan)

- 2. Bayaran Fee Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia / Lembaga Bidan Malaysia (mengikut program) perlu diserahkan kepada Pengetua / Pengajar untuk dihantar secara **KOLEKTIF** dengan kiriman **Wang Pos / Bank Draf** kepada:

**Setiausaha
Lembaga Jururawat Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA**

**(SILA EDARKAN BORANG INI KEPADA PELATIH UNTUK RUJUKAN SEMASA
MELENGKAPKAN BORANG BKJ-BOR-PEP-05-01 Pin.1/2013)**